



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 15 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA-RUSIA BINCANG KERJASAMA PERDAGANGAN PRODUK PERTANIAN, R&D -KPKM, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3.	HASIL DURIAN PAHANG MEROSOT TERUK, NEGARA, KOSMO -18 DURIAN PAHANG KURANG MENJADI MUSIM INI, LIPIS, SH -23	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5.	MARDI PERKENAL DUA VARIETI PADI WANGI BERKUALITI, NASIONAL, BH -14 MRQ107, MRQ111 VARIETI PADI WANGI TERBAHARU, NEGARA, KOSMO -6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6.	PEKEBUN NANAS RUGI RM150k LADANG DINAIKI AIR, LOKAL, HM -21	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
7.	AGROBANK URUS RM6.23j PERHEBAT AGROMAKANAN SARAWAK, BISNES, HM -23	AGROBANK
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	BANCI PERTANIAN 2024: MENILAI SEKTOR PERTANIAN DEMI MASA DEPAN NEGARA, ASTRO AWANI -ONLINE PELAJAR TEROKAI ILMU AKUPONIK, PENDIDIKAN, HAKAKAH -F6 MASYARAKAT TIDAK PERLU RAGU MAKAN, BELI KUPANG DARI PD, DALAM NEGERI, UM -34 PESAWAH BIMBANG SEWA JENTUAI PADI MENINGKAT SEHINGGA RM200, NEGARA, KOSMO -7 HARGA SEWA JENTERA MAKIN TAK MASUK AKAL, LOKAL, HM -25 PADI BEBAS RACUN, BAJA TANDA CINTA ALAM, GAYA TANI, UM -26 NELAYAN MULA RESAH, LOKAL, HM -21 PERLIS DAM HAS WATER FOR ONLY 3 MONTH, NATION, NST -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

taip untuk carian

AM

MALAYSIA-RUSIA BINCANG KERJASAMA PERDAGANGAN PRODUK PERTANIAN, R&D – KPKM

🕒 15/08/2024 12:08 AM



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Potensi kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara Malaysia dan Rusia terutamanya Republik Tatarstan antara yang dibincangkan ketika kunjungan hormat Rais (Presiden) Republik Tatarstan Rustam Minnikhanov ke atas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu di sini hari ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan memaklumkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah mengadakan perbincangan

meneroka peluang kerjasama dalam program penyelidikan serta pembangunan kapasiti bagi sektor seperti perubahan iklim, baja, pembiakan dan pengeluaran benih tanaman sayuran serta kejuruteraan genetik.

“YB Menteri turut memohon kerjasama pihak Republik Tatarstan bagi membekalkan maklumat mengenai keperluan import produk seperti sarang burung (*bird's nest*), makanan sejuk beku serta barangan sedia untuk diminum dan sedia untuk dimakan dari Malaysia bagi memasuki pasaran republik itu.

“Turut dibincangkan kerjasama dalam perdagangan produk pertanian antara kedua-dua negara terutamanya mengenai eksport daging dan produk tenusu dari Rusia ke Malaysia serta proses penilaian risiko bagi akses pasaran produk pertanian yang baharu,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan di akhir pertemuan Mohamad turut menzahirkan penghargaan atas pengesahan kehadiran Menteri Pertanian dan Makanan Republik Tatarstan Marat Zyabbarov dan delegasi pertanian dari republik itu ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang dijadualkan pada 11-22 Sept ini.

Hadir sama dalam pertemuan ini ialah Ketua Setiausaha KPKM Datuk Lokman Hakim Ali, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Datuk Azah Hanim Ahmad, pegawai kanan KPKM dan jabatan serta agensi di bawah kementerian itu.

Lawatan Rustam ini merupakan kunjung balas kepada kunjungan hormat Mohamad ke atas beliau semasa Forum Ekonomi Antarabangsa Rusia-Dunia Islam ke-14 atau KazanForum 2023 yang diadakan di republik tersebut pada Mei tahun lepas.

-- BERNAMA

Nilai pengeluaran tahun ini merosot lebih RM1 bilion kesan perubahan cuaca

Hasil durian Pahang merosot teruk

Oleh NORFARHIZA MOHD. ATAR

LIPIS – Perubahan cuaca yang melanda negara sejak beberapa bulan ini memberi kesan ketara kepada pengeluaran durian di negeri ini, sekali gus menyebabkan kemerosotan hasil antara 45 hingga 55 peratus.

Pengarah Pertanian Negeri Pahang, Muhd. Rizal Baharom berkata, cuaca panas melampau menyebabkan banyak bunga durian luruh selain turut menjejaskan kualiti raja buah itu.

"Mengikut data pada tahun lalu, jumlah pengeluaran yang dihasilkan adalah 131,308.55 tan metrik durian dengan nilai kira-kira RM2.6 bilion. Ia melibatkan keluasan tanaman seluas 16,718.93 hektar.

"Ada sesetengah tempat yang kurang mendapat hujan dan boleh dikatakan kualiti durian di setiap daerah di Pahang terjejas berbanding tahun lalu.

"Namun, kalau hujan lebat pula, ia boleh menyebabkan buah durian menjadi mengkal,"



MUHD. RIZAL (kiri) bersama Pegawai Pertanian Daerah Lipis, Juliana Din menunjukkan durian kampung premium sempena Hari Durian Daerah Lipis di Lipis semalam.

katanya pada Program Hari Durian Peringkat Daerah Lipis di pekarangan Pejabat Pertanian Daerah Lipis di sini semalam.

Muhd. Rizal berkata, ketika ini kebun komersial yang dusahakan pekebun di Pahang dilihat lebih luas berbanding kebun tradisional.

"Di Pahang, kalau kita tengok trend ketika ini, durian komersial khususnya black thorn dan musang king banyak mendapat permintaan benih dari Jabatan Pertanian dan kami pun menjual dengan harga yang murah dan berkualiti.

"Kalau kita membuat jualan, memang mendapat sambutan yang hangat daripada pekebun-pekebun di sini," ujarnya.

Katanya, pihak jabatan turut memperkasakan usaha dan memberi ilmu kepada pekebun-pekebun tradisional yang masih menghasilkan durian kampung dengan kualiti yang rendah untuk mempelajari serta membuat durian musang king.

Tingkat pendapatan petani

MARDI perkenal dua varieti padi wangi tempatan

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF PASIR SALAK

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan dua varieti padi wangi tempatan baharu bagi meningkatkan hasil dan pendapatan petani negara.

Pengerusi MARDI, Dr Azman Ismail berkata, varieti MRQ107 dan MRQ111 menghasilkan beras istimewa tempatan beraroma dan tekstur nasi yang lembut.

"Dua varieti ini mampu capai hasil tuaian lebih 5 tan metrik per hektar, yang mana MRQ 107 boleh ditanam dalam tempoh 112 hingga 115 hari selepas tabur manakala MRQ111 dapat ditanam dalam tempoh 116 hingga 118 hari.

"Kedua-dua varieti ini juga mempunyai tahap kerintangan

"MARDI mengalu-alukan kerjasama berterusan daripada Felcra dan pemain-pemain industri lain agar dapat mengambil peluang mengkomersialkan varieti padi MRQ107 dan MRQ111," katanya.

Sementara itu, Rubiah berkata, pengisytiharan kedua-dua varieti padi itu selari dengan salah satu strategi dalam Dasar Agro Makanan 2.0 iaitu memanfaatkan potensi varieti beras istimewa tempatan.

Katanya, kewujudan dan kepelbagaian beras istimewa tempatan itu dapat membantu kerajaan mengurangkan sekitar 25 peratus daripada jumlah keseluruhan beras import.

"Menanam padi ini secara komersial, kita perlu benih jadi Felcra Seberang Perak ditugaskan oleh MARDI untuk mengeluarkan benih padi kedua-dua varieti itu dan hasilnya boleh dituai bermula hari ini membabitkan sawah berkeluasan 2.4 hektar.

"Dengan penanaman ini, diharapkan pendapatan peserta dapat ditingkatkan," katanya.

Di samping itu katanya, FGV turut menyatakan komitmen untuk memulakan penanaman MRQ111.



Rubiah (dua dari kanan) dan Azman (tiga dari kiri) melihat hasil tuaian Varieti Padi Spesialiti Baharu Mardi MRQ107 dan MRQ111.

Plantation Services Sdn Bhd, Felcra Seberang Perak di sini pada Rabu.

Azman berkata, pelancaran varieti padi wangi baharu itu diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pesawah dan pengguna beras spesialti tempatan.

"Di samping itu ia dapat menarik minat lebih ramai pihak untuk melibatkan diri dalam pasaran beras spesialti, sekaligus memperkukuhkan industri padi dan beras negara.

baik terhadap penyakit karah daun dan karah tangkai serta sesuai untuk dijadikan beras rebus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Spesialiti Baharu Mardi MRQ107 dan MRQ 111 yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang di Pusat Benih Padi Felcra



MARDI perkenal dua varieti padi wangi berkualiti

Pasir Salak: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan dua varieti padi wangi spesialiti baharu berkualiti tinggi untuk meningkatkan hasil dan pendapatan pesawah di negara ini.

Pengerusi MARDI, Dr Azman Ismail berkata padi wangi tempatan MRQ 107 dan MRQ 111 itu mampu menjana hasil tuaian melebihi lima metrik tan per hektar dengan pengurusan yang baik.

Katanya, hasil penyelidikan sejak 2010, mendapati kedua-dua varieti ini mempunyai tahap ke-rintangan yang baik terhadap penyakit karah daun dan karah tangkai, selain sesuai untuk di- jadikan beras rebus yang mana ia sangat diperlukan oleh peng- guna mementingkan nilai pema- kanan sihat.

"MRQ 107 boleh dituai dalam tempoh 112 hingga 115 hari se- lepas tabur manakala MRQ 111

dapat dituai dalam tempoh 116 hingga 118 hari selepas tabur. "Kedua-duanya mempunyai ciri istimewa seperti aroma wa- ngi dan tekstur nasi lembut.

"Dengan pelancaran varieti padi wangi baharu ini, ia di- harapkan dapat memberikan manfaat terutamanya kepada pesawah dan pengguna beras spesialiti tempatan di samping menarik minat lebih ramai pi- hak untuk melaburkan diri da- lam pasaran beras spesialiti ba- gi memperkukuhkan industri padi dan beras negara," katanya pada majlis pengisytiharan varieti padi di Pusat Benih Fel- cra Seberang Perak, di sini, se- malam.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kema- juan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang.

Turut hadir Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Za- bawi Abdul Ghani; Timbalan Ke- tua Pegawai Eksekutif FELCRA,

Rubiah dan Azman (dua dari kiri) meninjau hasil padi wangi varieti MRQ 107 dan MRQ 111 di Seberang Perak, semalam. (Foto Muhammad Lokman Khalti/BH)



Mohamed Ismi Abdul Majid dan Ketua Pertanian Bersepadu FGV Holding Berhad, Abdul Ra- zak Aya.

Sementara itu, Rubiah berka- ta sebelum ini FELCRA Sebe- rang Perak ditugaskan oleh MARDI untuk mengeluarkan be- nih padi kedua-dua varieti itu dan hasilnya boleh dituai ber- mula semalam membabitkan sa- wah berkeluasan 2.4 hektar.

"Selepas ini, Kementerian Ke- majuan Desa dan Wilayah (KK- DW) menyasarkan sekurang-ku- rangnya 10 peratus dari kelu- san 3,400 hektar sawah di FEL- CRA Seberang Perak akan di- tanam dengan dua varieti padi baharu ini, di samping FGV tu- rut menyatakan komitmen un- tuk memulakan penanaman MRQ 111 secara komersial.

"Kita dapati dengan adanya dua varieti ini, kita dapat mem- pelbagaikan sumber beras dan mengurangkan kos beras wangi import," katanya.

MRQ107, MRQ111 varieti padi wangi terbaharu

PASIR SALAK – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan dua varieti baharu padi wangi iaitu MRQ107 dan MRQ111.

Pengerusinya, Dr. Azman Ismail berkata, kedua-dua varieti padi wangi tempatan itu mempunyai beberapa ciri istimewa, antaranya aroma wangi serta tekstur nasi yang lembut.

"Kedua-dua varieti ini mampu mencapai hasil tuelan melebihi 5 metrik tan per hektar dengan pengurusan yang baik. MRQ 107 boleh dituai dalam tempoh 112 hingga 115 hari selepas ditabur, manakala MRQ 111 dalam tempoh 116 hingga 118 hari lepas tabur.

Selain itu, kedua-dua varieti ini mempunyai tahap kerintangan baik terhadap penyakit karah daun dan karah tangkai dan sesuai untuk dijadikan beras rebus. Ia sangat sesuai disasarkan kepada pengguna yang memertingkatkan nilai pemakanan sihat,"

kan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menerusi agensi-agensi di bawahnya ke arah memantapkan dan memperluaskan penanaman varieti padi spesialti khususnya di Felcra Seberang Perak.

Katanya, kementerian itu menyasarkan sekurang-kurangnya 10 peratus dari keluasan 3,400 hektar di sini ditanam dengan varieti padi terbaharu itu.

Ujarnya, pengisytiharan varieti padi wangi baharu MARDI tersebut adalah selari dengan salah satu strategi yang telah digariskan di dalam Dasar Agro-Makanan 2.0 di bawah sub-sektor padi dan beras iaitu memanfaatkan potensi varieti beras istimewa tempatan.

"Dengan pengenalan dua varieti ini, ianya menjadikan jumlah keseluruhan varieti padi yang dihasilkan oleh MARDI sejak penubuhannya pada 1969 adalah sebanyak 55 varieti," katanya.



RUBIAH (tengah) meninjau sawah padi di Pusat Benih, Felcra Seberang Perak, Pasir Salak semalam.

katanya pada majlis Pengisytiharan Varieti Padi Wangi Baharu Felcra MRQ107 dan MRQ111 yang disempurnakan Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah,

Datuk Rubiah Wang di Pusat Benih, Felcra Seberang Perak di sini semalam.

Dalam pada itu, Rubiah berkata, kementeriannya mengalu-alu-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2024	HARIAN METRO	LOKAL	21

Pekebun nanas rugi RM150k ladang dinaiki air

Alor Gajah: Seorang pengusaha ladang nanas mengalami kerugian kira-kira RM150,000 selepas tanaman diusahakan di Nusa Dusun Orchard Resort di Kuala Linggi di sini, ditenggelami banjir sejak Ahad lalu.

Iskandar Zulkarnain, 46, berkata, air setinggi paras lutut dewasa menenggelamkan lima plot tanaman membabitkan 75,000 pokok nanas varieti MD2 di tanah berkeluasan 2.83 hektar.

Menurutnya, bencana banjir itu, sekali gus memberi kesan kepada pengeluaran ladang itu yang juga antara pengeluaran nanas terbesar di Melaka.

"Ketika kejadian semua pokok nanas ditenggelami banjir lebih 48 jam. Sehingga kini air masih bergebang walaupun banjir surut.

"Musuh utama tanaman nanas dua iaitu air dan rumput banjir dikhuatiri menyebabkan tanaman terjejas dan bantut sekali gus mengakibatkan kerugian

besar," katanya.

Beliau mengusahakan tanaman nanas sejak enam tahun lalu berkata, banjir kali ini kali kedua berlaku sejak tahun lalu dan terburuk dialami.

Beliau berkata, kejadian itu secara tidak langsung dikhuatiri menjejaskan bekalan nanas dipasarkannya untuk rangkaian hotel tempatan di negara ini.

Aduan sudah dibuat kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi mendapatkan bantuan sewajarnya.

Beliau berkata, selain hujan lebat berterusan, sistem saliran dan perparitan tidak diselenggara dengan baik dalam kawasan Nusa Dusun Orchard Resort turut menjadi punca banjir.

Pada Ahad lalu, media melaporkan daerah Alor Gajah terjejas teruk ekoran banjir akibat hujan lebat berterusan sehingga menyebabkan lebih 400 mangsa terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan.

Agrobank urus RM6.23j perhebat agromakanan Sarawak

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengemukakan Agrobank untuk menguruskan dana sebanyak RM6.23 juta melalui pelbagai program bagi membantu usahawan agromakanan di Sarawak.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, dana ini akan diagihkan melalui pelbagai inisiatif termasuk Dana Pembiayaan Agromakanan (DPA), Program Mo-

denisasi Rantaian Nilai Agromakanan (PMRNA) dan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM).

"Tanggungjawab digalas Agrobank ini membuktikan keyakinan kerajaan terhadap kepakaran dan kebolehan Agrobank untuk menguruskan dan mengagihkan dana secara efektif serta menyokong sektor pertanian di Sarawak," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, selain itu, Agrobank telah melulus-

kan dana pembiayaan sebanyak RM95.4 juta di bawah Skim Kredit Mikro Sarawak yang memberi manfaat kepada 2,758 peserta sehingga Julai lepas.

"Satu lokasi juga telah dikenal pasti bagi pembukaan semula cawangannya di daerah kecil Spaoh di bahagian Betong, 274 kilometer dari sini.

"Skim ini dan rancangan pembukaan cawangan kami menunjukkan pendekatan yang holistik untuk menyokong pembangunan

negeri Sarawak," katanya. Selain itu, bank berkenaan bercadang untuk membuka cawangan di daerah Gedong di bahagian Serian selepas membuka cawangan baharu di Tanjung Manis. Mukah pada Mei tahun lalu.

Sebelum ini, Agrobank melancarkan inisiatif tanpa tunai di daerah Daro di bahagian Mukah pada 10 Oktober tahun lalu dan di Pasar Tamu Lawas di bahagian Limbang baru-baru ini.



PENYAMPALAN Dana Skim Kredit Mikro Sarawak yang disempurnakan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (empat dari kiri).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Banci Pertanian 2024: Menilai sektor pertanian demi masa depan negara



Ini adalah banci keempat yang dilaksanakan selepas hampir dua dekad sejak banci terakhir dijalankan pada tahun 2005. - Gambar fail/Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Banci Pertanian 2024 merupakan usaha penting yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk memahami keadaan sebenar industri pertanian secara keseluruhan di Malaysia.

Menurut Pengarah Kanan, Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi Jabatan Perangkaan, (DOSM), Wan Mohd Sharulnizam Wan Mohd Najuri, dengan perubahan senario global dan isu harga makanan yang sering menjadi tumpuan rakyat, banci ini dijangka mampu memberikan data relevan untuk membawa perubahan besar dalam sektor pertanian negara.

Ini adalah banci keempat seumpamanya yang dilaksanakan selepas hampir dua dekad sejak banci terakhir dijalankan pada tahun 2005.

"Matlamat utama banci ini adalah untuk menilai kedudukan sektor pertanian dan bagaimana ia dapat menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030.

"Dengan mengenal pasti posisi sebenar sektor ini, kerajaan dan pihak berkepentingan dapat mengenal pasti jurang dan kekurangan yang perlu ditangani,

"Ini termasuk isu-isu seperti kekurangan bekalan makanan tertentu dan kos pengeluaran yang tinggi, termasuk memberi perhatian kepada perkara yang boleh menjejaskan keupayaan negara untuk menampung permintaan domestik dan industri pelancongan," kata Wan Mohd Sharulnizam.

Tambah beliau, ini adalah satu tugas yang kompleks kerana ia melibatkan pelbagai komponen dalam sektor pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur, perhutanan dan pembalakan.

Katanya, data yang dikumpulkan ini juga dapat membantu kerajaan merangka dasar dan pelan tindakan yang lebih tepat, serta memastikan kelangsungan sektor ini.

"Banci kali ini bukan sahaja melibatkan pengiraan penduduk yang terlibat dalam sektor pertanian, tetapi juga syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

"Ini menjadikan banci ini berbeza daripada banci sebelumnya, di mana Banci Penduduk hanya melibatkan pengiraan penduduk, dan Banci Ekonomi pula fokus kepada syarikat sahaja dan telah menggabungkan kedua-dua elemen dalam banci pertanian kali ini," katanya lagi.

Pelaksanaan banci berkenaan adalah sejajar dengan resolusi Food and Agriculture Organisation (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengesyorkan semua negara melaksanakan Banci Pertanian dengan kekerapan sekali dalam tempoh 10 tahun.

Beliau berkata demikian ketika ditemu bual dalam program *Niaga AWANI* pada Rabu.

Banci Pertanian 2024 yang sedang dilaksanakan bermula 7 Julai sehingga 10 Oktober 2024 dengan kerjasama beberapa kementerian dan agensi di bawahnya, iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan dan Komoditi serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Pelajar terokai ilmu akuaponik

SERAMAI 26 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putra Perdana menerokai ilmu baharu pertanian dalam bidang akuaponik melalui Projek Inovasi Pertanian Bandar Secara Akuaponik (PIPBA) anjuran Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketua projek, Dr How Shwu Pyng berkata, usaha ini adalah komitmen UPM menyebarkan ilmu dan inovasi pertanian kepada komuniti demi memastikan ketenteraman makanan dan kelestarian pertanian.

Katanya, projek ini berjaya memberi pendedahan kepada komuniti, terutama guru dan murid sekolah menengah berhubung penjagaan, kawalan dan penyelenggaraan sistem akuaponik.

“PIPBA bukan sahaja memberi peluang kepada guru dan murid untuk belajar



Projek Inovasi Pertanian Bandar Secara Akuaponik di SMK Putra Perdana.

mengenai pengeluaran hasil pertanian yang mampan, tetapi menyuntik semangat

dan minat peserta projek terhadap inovasi pertanian bandar.

“Terdapat lima sesi pemindahan ilmu dalam projek ini, iaitu pengenalan

projek, pengendalian ternakan dan tanaman, pembudayaan amalan pertanian baik, pendedahan kepentingan keselamatan makanan dan kawalan organik yang bersesuaian dengan sistem akuaponik,” katanya.

Beliau berkata, projek ini secara tidak langsung menyokong Pelan Strategik UPM 2021-2025, matlamat keempat, iaitu memperkasakan pertanian dan ketahanan sekuriti makanan.

“Semoga pengetahuan dan kemahiran melalui PIPBA dapat disebarluaskan kepada komuniti berdekatan melalui bengkel Train of Trainer (TOT) yang bakal dilaksanakan oleh pihak sekolah di bawah bimbingan Ahli Jawatankuasa (AJK) projek pada masa akan datang,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Masyarakat tidak perlu ragu makan, beli kupang dari PD

SEREMBAN: Masyarakat khususnya di negeri ini tidak perlu ragu-ragu untuk membeli dan menikmati kupang dari perairan Port Dickson selepas analisis makmal menunjukkan ia sudah selamat dimakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, analisis makmal tersebut sudah dijalankan banyak kali dan mengambil masa beberapa bulan sekali gus menunjukkan ketelitian pihak berwajib sebelum larangan pengeluaran hasil kupang ditarik balik baru-baru ini.

“Apabila sudah ada kajian dilakukan, masyarakat tidak perlu rasa waswas sebab bacaan biotoksiknya sudah rendah. Apabila bacaan rendah barulah dibenarkan kerana kajian yang dibuat itu juga mengambil masa lama, sebelum disahkan selamat untuk dimakan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Exco di Wisma Negeri di sini semalam.

Baru-baru ini, Jabatan Perikanan menarik balik larangan ke atas penuaian dan penjualan kerang-kerangan termasuk kupang di perairan Negeri Sembilan termasuk Melaka yang sebelum ini dikuatkuasakan.

Larangan itu ditarik balik berikutan bacaan biotoksin bagi sampel ke-15 telah menunjukkan penurunan ke paras selamat iaitu di bawah 400 per bilion (ppb).

Bagaimanapun seperti dilaporkan akhbar ini, terdapat nelayan dan pengusaha tera-



SEORANG nelayan di Kampung Balak, Pasir Panjang, Port Dickson menuai hasil kupang sebaik sahaja larangan pengeluaran hasil kupang ditarik balik baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

kan di Pasir Panjang yang berharap kerajaan menerusi agensi berkaitan untuk mempromosikan semula kerang-kerangan khususnya kupang di daerah Port Dickson.

Menurut mereka, masih terdapat orang ramai yang khuatir untuk membeli kupang dari Port Dickson walaupun penarikan balik larangan pengeluaran kerang-kerangan itu telah diuar-uarkan.

Aminuddin yang juga Ahli Parlimen Port Dickson berkata, beliau berterima kasih di atas keputusan penarikan semula larangan tersebut yang sekali

gus membolehkan nelayan dan penternak dapat mengeluarkan hasil kerang-kerangan yang menjadi sumber pendapatan tambahan mereka.

Pada masa sama, beliau turut menggesa semua pihak untuk menjaga perairan sungai dan laut supaya tidak tercemar.

“Ini antara faktor yang memberi kesan tempoh hari dimana hampir enam bulan lebih penternak terjejas.

“Harap dengan dibenarkan penjualan kupang akan meningkatkan lagi pendapatan nelayan kita di kawasan Port Dickson,” katanya.

Pesawah bimbang sewa jentuai padi meningkat sehingga RM200

ALOR SETAR – Pesawah di negeri ini dan Perlis bimbang apabila terdapat ura-ura mengatakan kadar sewa jentuai padi akan meningkat daripada antara RM130 hingga RM140 bagi 0.3 hektar pada musim lalu kepada RM200, musim ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, kadar baharu itu terlalu tinggi dan membebankan pesawah yang selama ini sudah sekian lama ditekan peningkatan kos mengusahakan padi.

Katanya, rata-rata pesawah tidak keberatan sekiranya peningkatan harga itu berlaku pada kadar munasabah iaitu antara RM150 hingga RM160.

"Namun apabila ada yang menyatakan kadar itu mungkin meningkat sehingga pesawah memang tak setuju kerana kenai-

kannya terlalu drastik.

"Setakat ini belum ada kata

putus dengan sesetengah pengusaha jentera juga dihabiskan sedar akan hakikat bahawa kenaikan itu terlalu tinggi," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, kenaikan kadar sewa ini difahamkan bukan disebabkan oleh penyalaraan harga diesel sebaliknya disebabkan harga alat ganti yang berpunca daripada cukai jualan dan perkhidmatan (SST).


"Kalau kenaikan setinggi itu dibenarkan, petani akan lebih terbeban selepas ini kerana kadar sewa jentera lain seperti jentera membajak, traktor dan lori akan turut meningkat.

"Kami menjangkakan peningkatan itu akan menyebabkan kenaikan kos keseluruhan kepada petani mencecah 30 peratus berbanding tahun lalu," katanya.

Dalam pada itu Abdul Rashid berkata, cara kiraan sewa jentuai padi di Kedah dan Perlis berbeza dengan sewaan di Selangor serta Perak yang disifatkan lebih adil.



GAMBAR fail tiga orang pesawah yang menarik jentuai mereka di sebuah kawasan sawah padi kerana terbenam dalam tanah lembut.



"Jika kenaikan sewa mesin jentuai ini berlaku, ia sememangnya tidak peningkatkan upah sehingga RM60 bagi setiap relung"

Che Ani Mat Zain

Harga sewa jentera makin tak masuk akal

Alor Setar: Pengusaha mesin jentuai padi di Kedah dan Perlis perlu menukar segera kaedah bayaran upah sewa jentera itu yang dianggap semakin 'tidak masuk akal' dan membebankan petani.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Mada, Che Ani Mat Zain berkata, ini berikutan terdapat laporan mengutarakan pengusaha terbahit bakal menaikkan sewa daripada RM140 seretung (0.3 hektar) pada musim lalu kepada RM200 bermula musim ini.

Menurutnya, pengusaha mesin jentuai seharusnya mengguna pakai kaedah bayaran di Selangor dan Perak ketika ini apabila upah adalah pada kadar RM80 per tan padi pada musim lalu.

"Jika kenaikan sewa mesin jentuai ini berlaku, ia sememangnya tidak masuk akal kerana berlaku

peningkatan upah sehingga RM60 bagi setiap relung. Adakah mereka pakai diesel sampai RM60 seretung?"

"Ibu jika seretung, secara kebiasaan pesawah memiliki antara lapan hingga 10 relung sawah, maka kos kami akan meningkat antara RM360 hingga RM600. Keadan ini memang membebankan dan tidak setimpal, harga jual padi," katanya ketika dihubungi semalam.

Berikutan itu, Che Ani meminta bayaran sewa mesin jentuai di seluruh negara ditetapkan pada kadar sama laitu mengikut jumlah tuai padi bagi membolehkan situasi 'menang-menang' kepada semua pihak.

Katanya, kaedah bayaran mengikut jumlah tuai padi juga akan mengelak berlaku keadaan

padi tumpah' akibat pemandu mesin jentuai tidak berhati-hati mengendalikan jentera terbabit.

"Pada musim lalu, upah sewa mesin jentuai di Selangor dan Perak RM80 per tan padi. Berikutan kenaikan harga diesel, kita jangka kadar itu mungkin naik kepada RM100 per tan pada musim ini."

"Jadi pesawah di Kedah dan Perlis minta pengusaha mesin jentuai kenakan kadar sama kepada kami. Mereka tiada alasan kerana mesin jentuai dari Kedah turut dibawa ke Selangor dan Perak bagi meluluskan kerja menuai," katanya.

Mengulas impact musim kerna-ratu melanda Kedah dan Perlis sebelum ini, Che Ani berkata, ia dijangka tidak memberi kesan kepada pengeluaran padi kerana berlaku selepas kerja menanam

benih selesai sekitar April lalu.

"Secara purata, pesawah di Kedah dan Perlis mampu menghasilkan enam tan padi per hektar. Musim kemarau baru-baru ini berlaku ketika padi sudah masuk ke usia antara 70 ke 80 hari, jadi pokok sudah semakin matang."

"Kita juga tidak mengalami masalah bekalan air ketika awal musim, jadi basil padi musim ini dijangka kekal seperti biasa. Cuma kebanyakan kita adalah air tidak mencukupi bagi memulakan musim menanam baharu pada Oktober depan," katanya.

Kerja menuai padi bagi musim 1/2024 dijangka bermula secara berperingkat antara hujung bulan ini sehingga September depan sebelum kerja menanam padi bagi musim 2/2024 diactual bermula awal Oktober depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	26

26 Utusan Malaysia
KHAMIS 15 OGOS 2024

TANI • Gaya

Padi bebas racun, baja tanda cinta alam

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamula.com.my

SEBAIK sahaja kaki melangkah masuk ke kawasan Baruh Padi Alami di Kampung Lubok Jambu, Kota Bharu, Kelantan perasaan menjadi begitu teruja melihat padi menguning.

Menambahkan lagi keterujaan, padi tersebut tumbuh segar walaupun tanah di kawasan itu kontang dan merekah susulan kemarau yang dilihat semakin 'menganas' melanda negeri serambi Mekah ketika ini.

Tidak cukup dengan itu, padi diusahakan Mohd. Yusri Mohammad Nor, 49, ini turut menggunakan konsep alam semula jadi iaitu bebas daripada penggunaan racun dan baja.

Padi daripada jenis varieti MR297 yang ditanam di tanah seluas empat hektar itu bergantung sepenuhnya kepada air.

GUNA CARA TRADISONAL

Mohd. Yusri yang merupakan kontraktor jalan raya berkata, padi ditanamnya itu dilakukan secara tradisional menggunakan khidmat

KAEDAH membanting padi menghidupkan lagi suasana tanaman secara tradisional.



TANAMAN padi secara tradisional ini dipelajari Mohd. Yusri daripada pakar tanaman dari Indonesia iaitu Aep Saepudin.



MOHD. Yusri Mohammad Nor menunjukkan hasil padi yang bebas racun dan baja yang tumbuh segar di Kampung Lubok Jambu, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

pakar tanaman dari Indonesia iaitu Aep Saepudin.

Ia menggunakan kaedah mencedung dan melandak (merumput) dengan hasilnya dituai secara membanting.

"Saya melakukan segala proses penanaman secara semula jadi. Malah saya turut membiarkan ikan air tawar dan siput berada di dalam sawah.

"Disebabkan itu, tanaman juga terhasil secara semula jadi. Alhamdulillah, saya berjaya menuai hasil sebanyak tiga tan metrik beras pada musim pertama tuatan tahun lalu," ujarnya.

Kontraktor jalan raya itu berkata, kesemua hasil diperolehi itu digunakan untuk diri sendiri selain di sedekahkan kepada

rakan-rakan dan golongan memerlukan.

PENGAIRAN, TELAGA TIUB

Mohd. Yusri berkata, bagi memastikan air di bendangnya sentiasa mencukupi dia mengeluarkan belanja sebanyak RM30,00 untuk menggali telaga tiub.

Dia turut menyediakan sistem pengairan bagi memastikan bekalan tidak terputus.

"Sepanjang kemarau lalu sawah tidak berdepan dengan masalah air yang boleh merencatkan tumbesaran padi," ujarnya.

IDEA TIMBUL DI AS

Idea menanam padi secara semula jadi tercetus sewaktu beliau dalam perjalanan dari

KUALITI padi bebas racun dan baja.



Idea menanam padi secara semula jadi tercetus sewaktu beliau dalam perjalanan dari Iowa ke Nebraska, Amerika Syarikat (AS) kira-kira enam tahun lalu."

Iowa ke Nebraska, Amerika Syarikat (AS) kira-kira enam tahun lalu.

Ujarnya, sepanjang perjalanan dia melihat tanaman di kawasan berkenaan subur meskipun dibiarkan secara semula jadi.

"Apabila pulang ke sini, ada rakan memperkenalkan saya kepada pakar tanaman padi dan pesawah dari Indonesia, Aep Saepudin.

"Hasil bantuan Aep Saepudin saya berjaya merealisasikan hasrat menanam padi secara semula jadi," ujarnya.

PENGELUAR MENINGKAT


Pengarah Urusan Yusri Maju Sdn. Bhd ini memberitahu, melihat kepada keadaan padi ketika ini dia mampu memperoleh peningkatan hasil lebih dua ganda berbanding musim pertama.

Katanya, untuk hasil kali ini dia bercadang memperkenalkan beras berkonsepkan alam itu kepada orang ramai.

"Impian saya untuk orang merasa khasiat beras yang bebas racun dan baja. Saya sudah memperoleh lesen untuk mengeluarkan beras.

"Pada masa sama, saya sudah mempunyai kilang padi mini untuk memproses hasil," ujarnya.





BETING pasir terbentuk di Sungai Segamat kesan kemarau menyukarkan nelayan air tawar mengemudi bot sangkut bagi mendapatkan hasil tangkapan. - Gambar NSTP/AHMAD ISMAIL

Oleh Ahmad Ismail
am@hmetro.com.my

Segamat

Lebih 60 nelayan di Sungai Segamat dan Sungai Chodan di sini, resah apabila hasil tangkapan ikan semakin berkurangan akibat musim kemarau sejak Jun lalu.

Tinjauan di Sungai Segamat semalam mendapati kebanyakan jaring dan puting tidak memberi hasil menggalakkan dan hanya beberapa ikan sahaja ter-

sangkut selepas dipasang lebih sembilan jam.

Kadaan itu memaksa nelayan meneroka beberapa kawasan di hilir sungai walaupun perlu menanggung risiko bot dan jaring rosak akibat tersangkut pada tunggul kayu dan beting pasir.

Nelayan, Mohamad Yahya, 50, berkata pendapatannya merosot sejak beberapa bulan ini ditambah pula dengan keadaan beting pasir yang semakin banyak kelihatan akibat paras air sungai semakin susut.

Menurutnya, dia hanya mampu mendaratkan kira-kira empat kilogram (kg) ikan berbanding sebelum ini lebih 20 kg setiap kali keluar menangkap seekor Sungai Segamat dan Sungai Chodan.

"Dengan usia semakin lanjut, saya tak mampu hendak pergi ke kawasan lebih jauh dan dalam, pukut mudah tersangkut serta rosak.

"Saya menjadi nelayan sejak 1980-an, kami memang tiada sumber pendapatan lain, jadi terpaksa

ambil upah membaiki jaring dan lukah buat sementara ini," katanya.

Pengerusi Persatuan Nelayan Darat Segamat, Mansor Ibrahim, 72, berkata beting pasir semakin banyak kelihatan menyebabkan ramai nelayan terpaksa mengubah haluan bot ke lubuk lain yang lebih jauh.

"Ini berikutan jumlah pendaratan ikan di kawasan berkenaan semakin berkurangan sejak beberapa bulan lalu dan menurun apabila musim kemarau berpanjangan," katanya.

AT 'WARNING' LEVEL

PERLIS DAM HAS WATER FOR ONLY 3 MONTHS

Dry spell affecting Timah Tasoh dam but rain expected, says exco rep

AIZAT SHARIF
KANGAR

bhnews@bh.com.my

THE water level at Timah Tasoh dam in Beseri, which stands at 38.5 per cent, will last for only three more months if the dry spell in Perlis continues, said the state Irrigation and Drainage Department (IID).

It recorded a water level reading of 26.90m dam on Tuesday,

placing it at the warning level. State Agriculture, Plantation, and Food Industry Committee chairman Razali Saad yesterday said the state government was aware of the concerns of 1,221 farmers whose padi crops were destroyed this season.

"This issue mainly affects farmers outside the Muda Agriculture Development Authority (Mada) area, which covers Titi Tinggi, Beseri, Paya, and Bintong.

"The inability to supply water from the dam to these areas is due to the drop in the dam's water level, caused by the dry spell.

"The dam can hold up to 40 million cubic meters of water."

He said of this amount, only 33.3 million cubic meters could be used for domestic purposes.

He said according to weather forecast, rain was expected to become more frequent between this month and September.

"So the water level at the dam is expected to return to normal only if rain increases during this period."



Razali Saad



The Timah Tasoh dam in Beseri seen in 2017 (above) and yesterday (below).

